

Masalah Dari Indonesia

BERJUMAAT PEREMPUAN TIDAK WAJIB

(Oleh: ‘Abdul Qādir Ḥasan)

Masalah tentang wajib atau tidak wajib perempuan berjumaat, mula-mula dipersoalkan oleh Kiyai Muḥammad Ma‘šūm Jogja, di beberapa tempat di Jawa Timur, Jawa Barat dan Jawa Tengah, ketika Kiyai Muḥammad Ma‘šūm berkunjung di wilayah-wilayah itu. Kiyai Muḥammad Ma‘šūm mengemukakan pendiriannya bahawa “Perempuan tidak wajib berjumaat” dengan alasan-alasan yang dianggap kuat.

Kemudian dalam “Abadi” tanggal 17.9.54 (hari Jumaat) ada bahasan Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl Semarang, tentang masalah tersebut dengan kepelakan: “Wajibkah wanita bersembahyang Jumaat?”

Di situ, Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl bawakan ayat Quran dan hadis-hadis umum yang menunjukkan bahawa Jumaat itu wajib atas tiap-tiap Muslimin: Di dalam keumuman ini termasuk “perempuan”.

Lalu dibawakannya beberapa hadis yang menunjukkan perempuan tidak wajib berjumaat, sebagai pengecualian dari ayat dan hadis-hadis yang umum tadi.

Kemudian Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl menunjukkan cacat-cacat dari hadis-hadis yang dibawa oleh golongan yang mengatakan tidak wajib perempuan berjumaat. Kesimpulannya: Hadis-hadis golongan ini semua tidak sah.

Alasan-alasan yang dikemukakan oleh Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl itu sama dengan alasan-alasan Kiyai Muḥammad Ma‘šūm.

Oleh kerana di penutup makalah Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl ada mengharapkan pertimbangan dalam masalah tersbeut, saya

merasa baik juga saya ikut menghuraikannya.

Menurut Quran surah al-Jumu‘ah ayat 9, Allah berfirman maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk sembahyang Jumaat, maka hendaklah kamu pergi ke Zikrillāh itu”

“Zikrillāh” dalam ayat ini, khutbah Jumaat dan sembahyangnya.

Perintah yang ada dalam ayat tersebut umum ditujukan kepada tiap-tiap orang yang beriman. Dalam kata-kata “Orang yang beriman” itu termasuk perempuan. Jadi, perempuan juga, menurut ayat itu, wajib berjumaat.

Selain dari ayat itu, ada lagi beberapa hadis Rasulullah (SAW) secara umum juga memerintah tiap-tiap orang Islam bersembahyang Jumaat. Bunyi hadis-hadis itu tidak saya bawa di sini, kerana isinya bersamaan dengan ayat al-Jumu‘ah di atas.

Lalu kita mencari, adakah keterangan yang sah yang membatasi atau mengecualikan keumuman al-Jumu‘ah ayat 9 tersebut atau tidak?

Kita dapati ada satu hadis Nabi yang sahih sebagai pengecuali, iaitu sabda Nabi (SAW) maksudnya:

“Jumaat itu satu ketentuan yang wajib atas tiap-tiap orang Islam dengan berjemaah, kecuali empat (golongan), iaitu hamba milik, orang perempuan, kanak-kanak

dan orang sakit”. (Hadis riwayat Ḥākim).

Hadis ini dengan tegas mengecualikan kewajiban umum yang ada dalam ayat Jumū’ah 9 itu, jadi, perempuan tidak wajib sembahyang Jumaat.

Penjelasan:

1. Hadis yang sama dengan riwayat Imam Ḥākim itu diriwayatkan oleh Abū Dāwud. Yang semakna dengan riwayat Ḥākim dan Abū Dāwud ini, ada juga diriwayatkan oleh beberapa imam.

Oleh kerana satu-satu itu ada pembicaraan tentang cacatnya maka biarlah kita tinggalkan dahulu.

2. Sekarang kita perhatikan riwayat Imam Ḥākim itu. Hadis Ḥākim ini, sudah tidak syak lagi sahnya, dan tidak terdapat seorang pun ulama yang melemahkan hadis riwayat Ḥākim itu. Ulama ada melemahkan yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud, bukan yang diriwayatkan oleh Ḥākim.

Tentang riwayat Ḥākim ini, Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl berkata: “Oleh al-Ḥākim hadis itu dianggap sah dengan jalan langsung dari Abī Mūsā al-Ash‘arī, yakni Tarīq dari Abī Mūsā al-Ash‘arī dari Nabi (SAW). Sekalipun demikian, namun hadis itu belum dapat dinyatakan 100 peratus sah, kerana masih dalam pembicaraan para ulama ahli hadis tentang Ḥarīm bin Sufyān tadi”.

(Abadi, 17.9.54)

Maksudnya: Di antara orang-orang yang membawa hadis itu ada seorang bernama Ḥarīm bin Sufyān. Menurut Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl, Ḥarīm ini adalah seorang yang dipandang tidak begitu kuat oleh al-Bazār, dan dianggap “majhūl” oleh Ibnu Ḥazm.

Mari kita periksa betul atau tidak:

(1) Ḥarīm dipandang tidak begitu kuat oleh al-Bazār.

(2) Ḥarīm dianggap majhūl oleh Ibnu Ḥazm.

Setelah kita periksa, terdapat begini:

(1) Al-Bazār tidak memandang “Ḥarīm tidak begitu kuat”, tetapi al-Bazār berkata: Ḥarīm itu “*Ṣaliḥ al-Ḥadīth, laysa bi al-qawwiy*”.

Perkataan al-Bazār ini hendak menunjukkan bahawa dalam darjat hadis-hadis yang sah, Ḥarīm itu bermartabat rendah. Jadi bukan Ḥarīm itu dipandang lemah atau “tidak begitu kuat”. Kerana “*Ṣaliḥ al-Ḥadīth*” itu ertinya orang yang hadisnya boleh diterima, dan “*laysa bi al-qawwiy*” ertinya: Orang yang tidak kuat. (Istilah “*laysa bi al-qawwiy*” ini dipakai untuk orang yang tidak begitu lemah, sedang hadis yang ia riwayat menjadi perhatian). Kalau betul al-Bazār menganggap Ḥarīm “tidak begitu kuat”, mengapa ia katakan “Hadis ini boleh diterima?”

Memang kalau kita mengambil perkataan al-Bazār sepotong sahaja, iaitu “*laysa bi al-qawwiy*”, dapat dikatakan ia memandang Ḥarīm tidak begitu kuat, tetapi di sini tidak begitu, malah al-Bazār mendahului dengan ucapan “Orang yang hadisnya boleh diterima”.

Keterangan:

Ḥarīm itu rāwī Imam Bukhārī dan Muslim. Bukhārī dan Muslim orang yang sangat teliti dalam menyelidiki rāwī-rāwī. Rāwī-rāwī yang ada dalam Bukhari dan Muslim adalah rāwī-rāwī pilihan, rāwī-rāwī yang tidak bercacat. Kerana itu, kalau orang hendak mencacat rāwī-rāwī Bukhārī, harus menunjukkan sebab-sebab bagi tercacatnya itu, tidak cukup dengan kata-kata: “Ia tidak kuat” dan sebagainya. Jadi kalau kita takdirkan al-Bazār menganggap Ḥarīm tidak begitu kuat, maka seharusnya al-Bazār menunjukkan sebabnya tetapi sepanjang pemeriksaan tidak terdapat sebab itu.

(2) Ibn Ḥazm mengatakan: Ḥarīm itu “majhūl”

(Majhūl ertinya: Orang yang tidak dikenal – dirinya atau sifatnya). Kalau yang dimaksudkan Ḥarīm tidak dikenal oleh

ulama-ulama hadis, adalah ucapan ini dusta, kerana Bukhārī dan Muslim yang hidup dalam kurun yang ketiga hijriyah, memakai Ḥarīm itu dan kenal akan dia. Imam Yahya bin Mu‘īn yang hidup antara kuru kedua dan ketiga, dan Ibnu Ḥibbān serta Dār Qaṭnī yang hidup dalam kurun yang keempat memuji kepada Ḥarīm, kerana mereka kenal akan dia.

Imam-imam hadis yang saya sebutkan ini, semua hidupnya sebelum Ibnu Hazm dilahirkan, sedang Ibnu Ḥazm hidup antara kurun yang keempat dan kelima (iaitu 384 – 456) dengan begini teranglah bahawa Ḥarīm itu “tidak dikenal oleh Ibnu Ḥazm” sahaja. Ibnu Ḥazm yang hidup dalam kurun belakangan itu, kalau tidak mengenal akan Ḥarīm, bukanlah satu cacatan (celaan) terhadap diri Ḥarīm.

Ḥarīm sebagaimana yang sudah tersebut di atas, adalah

rāwī dari Bukhārī dan ada dalam kitab Bukhārī.

Untuk menyatakan lagi bahawa Ḥarīm itu bukan orang yang “majhūl”, maka Ibnu Ḥajar ada berkata dalam kitabnya *Hadī al-Sārī*:

“Maka engkau tidak dapati sama sekali di antara rāwī-rāwī Bukhārī seorang pun yang patut diberi nama “majhūl” kepadanya.”

3. Dengan penolakan dan keterangan yang tersebut dalam nombor 2 tersebut nyatalah bahawa Ḥarīm itu “tidak lemah” dan tidak “tidak begitu kuat”.

Kesimpulannya, hadis riwayat Ḥakim di atas sudah 100% sahih dan sudah dapat dijadikan pengecualian bagi ayat 9 dalam surah al-Jumu‘ah.

Sekian dahulu sebagai pokok-pokok bagi masalah ini.



Dalam lawatannya ke Sekolah Arab Sungai Bako, Seberang Prai, Sir Donald McGillavry, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu, sedang beramah-tamah dengan Tuan Lebai Abdullah bin Taib guru besar sekolah tersebut dengan menggunakan bahasa Arab di sepanjang perceramahannya itu.